

# Pembukaan stesen MRT beri impak positif kepada peniaga

**KUALA LUMPUR 18 Dis.** - Golongan peniaga kecil dan pemilik gerai tidak terkecuali mendapat tempas daripada pembukaan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang apabila premis mereka turut menjadi persinggahan pengguna pengangkutan awam itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Stesen MRT Sementa sehingga stesen Sungai Buloh mendapati projek MRT turut memberi impak positif kepada golongan peniaga yang berniaga di gerai-gerai berhampiran stesen MRT.

Seorang peniaga nasi campur di Mutiara Damansara, **Diana Rustam**, 36, berkata, kewujudan stesen MRT di kawasan tersebut secara tidak langsung membantu meningkatkan bilangan pelanggan yang berkunjung ke gerainya.

“Memandangkan saya hanya berniaga di gerai makan biasa, kebanyakan pelanggan terdiri daripada mereka yang tinggal di kawasan berhampiran, namun setelah MRT mula beroperasi, saya dapati ada peningkatan yang agak mendadak dari segi

bilangan pelanggan yang datang ke gerai.

“Hal ini kerana gerai saya turut menjadi persinggahan penumpang untuk membeli makanan kerana terletak di kawasan perjalanan menuju ke stesen MRT Mutiara Damansara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Selain itu, peniaga di Kota Damansara, **Abdul Manaf Sulaiman**, 34, memberitahu, sejak kerajaan mengumumkan pembinaan MRT, masyarakat di kejiranan itu memilih MRT sebagai pengangkutan

utama.

“Ini secara tidak langsung memberi respon yang positif kepada perniagaan saya apabila mencatatkan keuntungan hampir dua kali ganda berbanding sebelum MRT dibuka.

**Riduan Mohammad**, 38, yang juga menjalankan perniagaan kedai makan di sekitar stesen MRT Surian berkata, sebelum wujudnya stesen MRT tersebut, sambutan daripada masyarakat setempat kurang memberangsangkan dan keuntungan hanya berada pada paras minimum.



**ORANG** ramai mengambil kesempatan menaiki MRT secara percuma di Stesen Semantan, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/WAHIDAH ZAINAL